

BERITA

15/07/2024 / ADIBATUL HUSNA BINTI FADZIL



10 Jun 2024 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Suffy Dairy Sdn. Bhd. telah menjalankan kolaborasi penyelidikan bertajuk Formulasi Susu Kambing untuk Ibu mengandung melalui geran industri yang telah diberikan kepada Suffy Dairy Sdn. Bhd kepada Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah yang bertujuan untuk memperluaskan kerjasama antara pihak Universiti dan Industri.

Inisiatif ini merupakan hasil usaha Fakulti Sains Gunaan untuk memperkukuhkan hubungan dengan industri di negeri Perak terutamanya Syarikat Bumiputera yang terlibat dengan penghasilan susu kambing kerana kurang kajian berkaitan pengambilan produk susu kambing di Malaysia.

Penyelidikan ini memfokuskan kepada aspek kajian dan pembangunan inovasi produk susu kambing, kajian mikrobiologi, maklumbalas awam bagi produk sedia ada, dan penghasilan produk sabun dari susu tamat tempoh.

Beberapa penerbitan dan produk berjaya dihasilkan hasil daripada kajian pensyarah dan pelajar Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah . Selain itu, formulasi susu kambing bagi ibu mengandung juga berjaya mendapat pingat perak di 12th International Innovation, Invention & Design Competition (INDES) 2023.

Dijangkakan kolaborasi ini bakal diteruskan bagi merencanakan pelbagai aktiviti yang jalinan kerjasama universiti dengan pihak industri atau agensi luar selaras dengan usaha memperkasakan institusi pengajian tinggi bagi mengalakkan rakyat Malaysia menyokong produk hasil tempatan dan juga lagi mengurangkan kebergantungan terhadap barangan import.

Penulis bersama : ADIBATUL HUSNA FADZIL, YANTI YAACOB, NORSAKINA ZURINA BINTI ZULKIFLI, NUNSHAIMAH BINTI SALLEH, ROSLIZA BINTI ALI, SITI NORHAYATI BINTI MOHAMAD TARMIZI, DR. SUZAIIRA BAKAR, DR. HAMIZAH MD RASID

[in Share](#) [f Share](#) [X Post](#)

Tags: Faculty of Applied Sciences (FSG), FORMULASI SUSU KAMBING, UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

← Hari Kesihatan Pelajar UiTM

Education and Awareness Programme for Water Resource Conservation and Preservation Program >

QUICK LINKS

Ministry of Higher Education
Academic Calendar
Intake Calendar
Graduate Quick Search
Library

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000



